PETA KONSEP

TINGKATAN 4

Usaha Ke Arah Kemerdekaan

Latar Belakang Idea Negara Merdeka

Perkembangan politik antarabangsa dan serantau mempengaruhi gelombang politik di negara kita.

Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)

Objektif CLC

- Mengkaji hubungan kaum secara mendalam.
- Membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial untuk keadilan dalam semua komuniti.
- Mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah.

Peranan CLC

Menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan pertikaian antara kaum.

Sistem Ahli

Sistem Ahli dilaksanakan pada bulan April 1951 hingga bulan Jun 1955.

Ciri-ciri Sistem Ahli

- Ahli bertaraf "Menteri".
- Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja.
- Ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi.
- Satu sistem kabinet bayangan.

Kepentingan Sistem Ahli

- Menyediakan asas penting untuk melatih penduduk tempatan ke arah berkerajaan sendiri.
- Memberikan pendedahan kepada penduduk tempatan untuk belajar mentadbir dan menerajui kerajaan menjelang kemerdekaan.
- Proses memupuk perpaduan kaum kerana ahlinya terdiri daripada gabungan pemimpin pelbagai kaum.
- Menentukan kemerdekaan memperoleh sokongan seluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu.

Sistem Pendidikan Kebangsaan

- Laporan Barnes 1951
- Laporan Fenn-Wu 1951
- Ordinan Pelajaran 1952
- Laporan Woodhead di Sarawak dan Sabah 1955
- Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956

Penubuhan Parti Politik

- Tahun 1940-an: PKMM, PKMS, API, PPM, UMNO, PKML, MIC, BARIP, BPS dan MCA.
- Tahun 1950-an: IMP, PAS, PPP dan Parti Negara

Kerjasama Politik ke Arah Kemerdekaan

- Pakatan PUTERA-AMCJA
- Persidangan Kebangsaan
- Konvensyen Kebangsaan
- Pembentukan Parti Perikatan